KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	BERITA HARIAN			
TARIKH	:	02.04.22	MUKA SURAT	:	29
JABATAN	:	TNB			

Pembukaan sempadan beri manfaat kepada MAHB

Malaysia Airports Holdings Bhd (MAHB) akan menjadi penerima manfaat utama daripada pembukaan semula pintu sempadan negara, kata penganalisis Hong Leong Investment Bank (HLIB) Research, Daniel Wong.

"Kita sudah melihat permintaan domestik pulih dengan mantap sehingga 60 peratus daripada paras prapandemik sejak kelonggaran domestik berperingkat dilaksanakan pada Oktober 2021," katanya dalam satu nota, semalam.

Beliau berkata, sejak pandemik melanda pada 2020, pengurusan MAHB mengambil peluang untuk menyusun semula operasi lapangan terbang kendaliannya.

Katanya, pelbagai langkah pembendungan kos dilaksana dengan pengurangan kos teras sehingga 32.9 peratus pada tahun kewangan 2021 berbanding tahun kewangan 2019 dan pengurusan kekal berhati-hati dengan perbelanjaan operasi bagi tahun kewangan 2022.

"Pengurusan menjangkakan potensi penjimatan kos melebihi RM50 juta setahun di bawah usaha sama (JV) pembekalan tenaga penyejukan bersama Tenaga Nasional Bhd (TNB) berkuat kuasa Julai 2021.

"Program penyusunan semula komersial yang sedang dan sudah dilaksanakan sejak tahun kewangan 2020 akan membuahkan hasil dengan jangkaan peningkatan pergerakan penumpang serta pengalaman beli-belah baharu di lapangan terbang.

"Program itu menyusun semula kedai mengikut saiz, jenama, keseimbangan, lokasi yang tepat serta pulangan lebih tinggi, selain meningkatkan ruang runcit keseluruhan sebanyak 10 peratus," katanya.

Wong berkata, HLIB Research mengubah anggaran pergerakan penumpang di Malaysia bagi tahun kewangan 2022 dan 2023 kepada 68.2 juta dan 98 juta, peningkatan tahunan masing-masing sebanyak 543.4 peratus dan 43.8 peratus.

"Kami kini mengunjurkan MAHB akan merekodkan kerugian lebih rendah bagi tahun kewangan 2022 sebanyak RM17.8 juta berbanding kerugian RM94.1 juta sebelumnya.

"Tahun kewangan 2023 akan menyaksikan pemulihan dengan keuntungan RM596.5 juta," katanya.

Berkuat kuasa semalam, sempadan Malaysia dibuka kepada semua pengembara.

Pengembara yang menerima vaksin penuh perlu melakukan ujian PCR/RTK negatif sebelum berlepas, iaitu 48 jam sebelum ke negara ini dan ujian RTK ketibaan, dalam masa 24 jam di negara ini yang dibuat menerusi profesional berkelayakan.

Pengembara tidak divaksin pula tertakluk kepada kuarantin selama lima hari.

Pengunjung asing kecuali rakyat Singapura perlu membeli insurans perjalanan dengan perlindungan minimum AS$20,000.

